

13 AUG 2001

Lapangan terbang

LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA KARGO DICADANG DI KEDAH

ALOR SETAR, 13 Ogos (Bernama) -- Kedah akan mencadangkan kepada Kerajaan Pusat supaya membina lapangan terbang antarabangsa kargo di Kota Perdana-Kota Metropolitan Perindustrian Asean bagi memenuhi pergerakan kargo udara di kawasan itu.

Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain hari ini berkata lapangan terbang itu juga boleh digunakan oleh negara jiran seperti Thailand dan Myanmar untuk tujuan import dan eksport kargo.

Kedah menjangka pergerakan kargo udara akan meningkat di utara Semenanjung berikutan pelaksanaan Kawasan Perdagangan Bebas Asean (AFTA) pada 2003 dan siapnya Kota Perdana itu pada 2010.

Projek Kota Perdana itu, yang bernilai RM3 bilion di kawasan seluas 3,515 hektar di Bukit Kayu Hitam, menyediakan kemudahan perindustrian dan perdagangan bertaraf dunia dan dijangka boleh menarik pelaburan sehingga RM20 bilion serta menyediakan 20,000 peluang pekerjaan.

Syed Razak berkata sebuah jawatankuasa khas sedang mengkaji kesesuaian projek itu dengan lebih terperinci sebelum ia dicadangkan kepada Kerajaan Pusat.

Syed Razak berkata projek pembesaran Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim di Jitra, dekat sini akan tetap diteruskan sekiranya cadangan pembinaan lapangan antarabangsa kargo itu diterima oleh Kerajaan Pusat.

Baru-baru ini, Kerajaan Pusat membatalkan rancangannya untuk membina Lapangan Terbang Antarabangsa Wilayah Utara (NRIA) di Kedah kerana projek itu tidak sesuai.

Beliau juga berkata Kedah dijangka menerima 2.2 juta pelancong tahun ini berikutan kemasukan pelancong yang sangat mengalakkan kerana terdapat 1.8 juta pelancong setakat ini.

Mengenai perkembangan kerja-kerja pembaikan tiga tempat bersejarah berharga RM20 juta di negeri ini, beliau berkata kesemuanya akan siap akhir tahun ini.

Tempat-tempat itu ialah Rumah Kelahiran Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini, makam Perdana Menteri pertama Tunku Abdul Rahman di sini dan tugu Kota Kuala Kedah.

Mengenai lawatannya ke Yemen kerana mengikuti rombongan Dr Mahathir Rabu ini, Syed Razak berkata beliau akan berunding dengan beberapa syarikat swasta di sana berhubung hasrat lima negara Arab termasuk Kuwait dan Yemen untuk membeli 10 juta komputer e-book berharga RM16 bilion dari kilang pengeluaran buku elektronik itu di Kedah.

-- BERNAMA

JM NAK